

CNS0702

R GB 18-10 00163 BA712

aab

HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA MULAI PULIH

Mahathir-Hawke

Daripada Kuah Guan Oo

HARARE, 18 Okt (Bernama) -- Hubungan tegang yang berlanjutan antara Malaysia dan Australia mulai hapus selepas Perdana Menteri Australia Bob Hawke menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk kira-kira sejam semalam.

+Saya berpendapat hubungan itu mulai normal, kecuali jika masih terdapat perasaan malu-malu antara mereka yang telah berbaik-baik semula,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita selepas pertemuan di bilik hotelnya.

Katanya, Encik Hawke telah memberi jaminan bahawa kerajaan Australia akan membuat kenyataan umum, pada ketika yang segera, untuk menjauhi diri daripada sebarang fitnah oleh media Australia mengenai Malaysia.

Begitu juga, kerajaan Malaysia akan juga membuat kenyataan umum, pada ketika yang segera, jika media Malaysia membuat pembohongan mengenai Australia.

Ketika ditanya sejauh mana ketegangan dalam hubungan kedua-dua negara, katanya:+Bagi kita, ia hanya merupakan satu cara menyatakan perasaan tidak puas hati, tetapi nampaknya, kerajaan Australia menerimanya secara serius.+ -- Lagi

▼18/10/16-10MST

CNS0722

R GB 18-10 00135 BA713

aab

Mahathir-Hawke 2 Harare

+Saya berpendapat ia tidak menjejaskan perdagangan antara kedua-dua negara, tetapi berlaku beberapa peristiwa kecil-kecilan,+ katanya.

+Tetapi adalah baik kerajaan Australia menyedari akan perasaan tersinggung kita kerana dengan sikap tidak mengambil tahu langsung mengenai fitnah-fitnah yang disiarkan oleh media Australia mengenai Malaysia, seolah-olah kerajaan Australia mempersetujui pembohongan itu,+ katanya.

Perdana Menteri berkata ketegangan hubungan itu berpunca daripada beberapa peristiwa. Tayangan TV +Embassy+, yang merupakan satu percubaan untuk memperkecil-kecilkan Malaysia, adalah perlakuan terakhir sehingga menjejaskan hubungan diplomatik.

+Akhirnya, kita tidak dapat menerimanya lagi, terutama ia datang dari sebuah negara sahabat,+ katanya mengenai serangan oleh media Australia terhadap kerajaan Malaysia.

Antara peristiwa itu, beliau menyebut siri TV +Slow Boat To Surabaya+ sebagai satu percubaan untuk memberi gambaran buruk mengenai Malaysia. -- Lagi

▼18/10/16-25MST

CNS0779

R GB 18-10 00136 BA714

aab

Mahathir-Hawke 3 Harare

Beliau juga berkata pada 1987, tiga bulan selepas kerajaan bertindak untuk menstabil keadaan politik dalam negeri menerusi Operasi Lalang, sebuah stesen TV Australia menanyaanya mengenai keadaan di Malaysia.

Katanya, beliau menjawab +baik+ dan TV itu menyiarkan jawapannya bahawa semuanya berjalan baik sambil menayangkan keadaan tiga bulan sebelumnya ketika seorang anggota tentera mengamuk di Chow Kit.

+Para penonton tentu menganggap saya bercakap bohong. Mengapa media Australia berbuat demikian? Media adalah bebas tetapi adakah mereka bebas untuk berbohong?+ tanya beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak meminta orang lain menyekat kebebasan media.

+Kita tidak menyekat akhbar kita, katanya, sambil menambah kata bahawa beliau ingin menjemput media Australia untuk membaca akhbar berbahasa ibunda seperti surat khabar Cina, Watan dan Harakah. -- Lagi

♥18/10/17-09MST

R GB 18-10 00120 BA715

aab

Mahathir-Hawke 4 Harare (akhir)

+Jika tiada kebebasan akhbar, mereka sudahpun diletakkan dalam tahanan. Sebahagian (laporan) adalah bersifat fitnah, sebahagian menghasut orang ramai supaya menggugat keamanan. Kita terpaksa menghadapinya semua.

+Kita adalah liberal sebagaimana di Australia ... saudara mungkin tidak mempercayainya tetapi kita memang liberal,+ katanya kepada pertanyaan seorang pemberita daripada akhbar Australia, The Age.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Encik Hawke memberitahunya bahawa dia turut mengalami masalah yang sama, tetapi tentunya lebih baik jika kerajaan Australia secara terbuka menjauhi dirinya daripada media dan tidak berdiam diri.

Dengan berdiam diri, katanya, seolah-olah menunjukkan kerajaan menyokong pembohongan media, apatah lagi jika ia berdiam diri atas alasan kebebasan akhbar. -- Bernama

♥18/10/17-23MST